

TENTANG KONTRAK PENERBITAN

IMAN DANIAL HAKIM
HAFIZ ZUBIR



Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada e-book ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin terlebih dahulu daripada **Iman Danial Hakim dan Ahmad Hafiz Zubir**

ISI KANDUNGAN

Pengenalan Asas Hak Cipta

Bab 1 Hak Cipta Sebagai Harta

Bab 2 Perjanjian Penerbitan Adalah Kontrak

ISI KANDUNGAN

Bab 3 Kenapa Perlu Ada Kontrak Penerbitan

Bab 4 Klausula Penting Yang Perlu Ada Dalam Kontrak

PENGENALAN

Ada 2 jenis kegembiraan bagi setiap penulis:

- 1) Bukunya diterbitkan
- 2) Dibayar royalti

Di saat mereka menandatangani Kontrak Penerbitan, inilah 2 perkara utama yang berada dalam fikiran penulis.

Namun, seberapa ramai penulis yang benar-benar membaca & memahami Kontrak Penerbitan sebelum menandatangani?

PENGENALAN

E-book ini akan membantu anda untuk memahami asas Kontrak Penerbitan

- Apa itu Kontrak?
- Kenapa Kontrak penting?
- Apa yang perlu ada dalam Kontrak


BAB 1

HAK CIPTA SEBAGAI HARTA

Sepertimana wang, rumah, kereta; hak cipta juga adalah satu bentuk **harta**



hak cipta boleh



Oleh itu, sewaktu berurusan dengan mana-mana pihak, penulis sebagai pemilik hak karya perlu mengenal pasti jenis urusan tersebut.

Adakah ia:

- pelesenan untuk menerbitkan buku dalam 1 tempoh?
- pengedaran buku?
- penjualan & pemindahan milik hak cipta sepenuhnya?

BAB 2

PERJANJIAN PENERBITAN ADALAH KONTRAK


Perjanjian Penerbitan = Kontrak

Terdapat 3 elemen yang membentuk sebuah kontrak

Tawaran
(*offer*)

Penerimaan
(*acceptance*)

Balasan
(*consideration*)




*Kami tawarkan
encik untuk terbit
buku bersama
kami*

Tawaran



*Wah! Saya terima
tawaran itu!*

Penerimaan



Kami berikan royalti buku yang telah diterbitkan

Balasan
perkara yang diberi oleh
satu pihak ke pihak lain
dalam kontrak



Saya berikan kepada syarikat karya saya untuk diterbitkan

BAB 3

KENAPA PERLU ADA KONTRAK PENERBITAN?

Cara yang selamat untuk menguruskan harta adalah melalui **perjanjian**.



Pihak-pihak boleh berbincang **terma-terma** yang dimahukan, seperti tempoh perjanjian, jumlah bayaran, penamatan perjanjian dan sebagainya.

Jika berlaku perselisihan, maka terma-terma yang telah termaktub akan menjadi garis **panduan** untuk menentukan hak pihak-pihak



Selalunya, isu di dalam dunia penerbitan terjadi apabila



Tiada perjanjian penerbitan
(hanya *gentleman agreement*)



Ada perjanjian,
tapi tak faham
maksud setiap
terma

Ramai penulis **tidak sedar bahawa** selain dari lesen penerbitan, penulis juga sebenarnya sedang memberikan penerbit lesen untuk hak-hak lain yang berkaitan dengan penerbitan buku seperti hak untuk mencetak buku, hak untuk mengedarkan buku dan hak untuk menjual buku tersebut walaupun nama perjanjian tersebut hanyalah **Kontrak Penerbitan Buku** sahaja.



Ini kerana nama perjanjian tidaklah sepenting hak-hak yang diberikan melalui sesuatu perjanjian tersebut.



Untuk mengetahui apakah hak yang diberikan melalui sesuatu perjanjian, yang perlu diteliti adalah kandungan yang terdapat di dalam terma-terma dan syarat-syarat perjanjian.

Merujuk kepada kepada nama perjanjian sahaja **tidak** memadai.



Berdasarkan pengalaman saya, terdapat juga Kontrak Penerbitan Buku yang memberikan hak yang lebih besar kepada syarikat penerbitan buku, di mana ia **tidak terhad** menerbitkan buku sahaja.

Saya pernah terjumpa Kontrak Penerbitan Buku yang memberikan juga **hak-hak terbitan** kepada Penerbit seperti hak untuk menterjemah, hak untuk adaptasi dan hak untuk melesenkan semula hak-hak yang telah diterima di bawah Kontrak Penerbitan Buku kepada pihak ketiga.





Malah ada juga Kontrak Penerbitan Buku yang menyerahkan terus pemilikan hak cipta penulis ke atas buku tersebut kepada Penerbit.

Maknanya penulis bukan lesenkan karyanya untuk satu tempoh, sebaliknya **menjual** hak ciptanya kepada penerbit: buat **selamanya!**



Undang-undang **tidak** akan mengambil kira sama ada hak-hak yang diberikan adalah sesuatu yang adil atau tidak adil

Selagimana kedua-dua pihak telah **bersetuju** akan terma-terma dan syarat-syarat dan **menandatangani perjanjian**, maka undang-undang akan mengiktiraf perjanjian tersebut sebagai **sah**.

Undang-undang juga **tidak** akan melihat kepada **niat** pihak-pihak kepada perjanjian ketika memasuki perjanjian tersebut.



Sebaliknya undang-undang **hanya** akan menafsir setakat apa yang **terkandung** di dalam perjanjian tersebut **sahaja** sekiranya terdapat pertelingkahan yang berbangkit daripada perjanjian tersebut.

Oleh itu penulis sekalian, penting ya untuk **baca dan faham** kontrak penerbitan sebelum tandatangan!



BAB 4

KLAUSA PENTING YANG PERLU ADA DALAM KONTRAK

Hak Cipta: Klausula ini menggariskan bahawa hak cipta untuk karya tersebut tetap **milik penulis**, kecuali jika disebutkan sebaliknya dalam perjanjian.



Jenis Penerbitan: Perjanjian harus mengkategorikan jenis penerbitan yang akan dilakukan, seperti buku bercetak, e-book, atau buku audio.



Hak Terbitan: Sama ada perjanjian ini turut memberi penerbit hak-hak seperti hak terjemahan, adaptasi dan lain-lain.



Tanggungjawab Pihak: Menjelaskan tanggungjawab dan peranan penerbit-penulis seperti promosi dan lain-lain.

**SPECIAL
PROMO**

Hak Penjualan: Menentukan lokasi dan platform mana buku akan dijual, seperti di Malaysia atau dalam talian.



Jumlah Cetakan: Jumlah salinan yang akan dicetak dan diedarkan.



Royalti: Menyatakan kadar royalti yang akan diterima oleh penulis, dan cara mengira royalti ini.



Jadual Pembayaran: Menjelaskan jadual pembayaran royalti, seperti apakah pembayaran akan dibuat: setiap bulan, tiga bulan, atau tahun.

Penamatan Kontrak: Menjelaskan syarat-syarat di mana perjanjian boleh dibatalkan oleh salah satu pihak.



Pelanggaran Kontrak: Menjelaskan apa perkara yang menjadikan pihak-pihak telah melanggar Kontrak.

PENUTUP

Kepada penerbit, ingatlah bahawa penulis adalah rakan dan *partner* bisnes anda. Ini adalah hubungan kerjasama yang menguntungkan jika kedua-dua pihak saling menjaga hak masing-masing.

Kepada penulis, teruslah berkarya. Ketahui hak dan nilai karya anda, tetapi juga bersikap fleksibel dalam perundingan penerbitan, dunia perbukuan Malaysia ini tak besar mana pun.

Kepada pembaca, hargailah jerih payah penulis dan penerbit untuk menyediakan bahan bacaan untuk anda. Sokong industri kita dengan beli buku tempatan!

TENTANG PENULIS EBOOK



Iman Danial Hakim

Peguam Harta Intelekt di Hafiz Zubir & Co. Beliau berpengalaman mengendalikan kes-kes pelanggaran hak cipta dan *counterfeit* di *e-commerce* seperti Shopee, Facebook Marketplace dan TikTok



Hafiz Zubir

Managing Partner di Hafiz Zubir & Co. Beliau berpengalaman lebih 12 tahun dalam kes-kes Harta Intelekt di Malaysia seperti Hak Cipta, Cap Dagangan (*trademark*), Paten dan Rahsia Perdagangan (*trade secret*)

Laman web Hafiz Zubir & Co
www.hzac.com.my

